

NO. SOALAN : 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN
MAIDIN [SEPANG]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN :

**YB Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan:-**

- a. berapa ramai pekerja PETRONAS yang telah dibuang kerja sejak 1 Mac 2016 sehingga sekarang dan apakah puncanya; dan
- b. apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membantu para pekerja yang dibuang kerja tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, situasi semasa kemerosotan harga minyak dunia merupakan situasi yang sungguh mencabar. Sepertimana syarikat-syarikat minyak antarabangsa yang lain, penurunan harga minyak mentah dunia turut memberi kesan langsung kepada PETRONAS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah kira-kira 1,000 orang pekerja tempatan dan asing atau 1.9% daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja PETRONAS terlibat di dalam proses pemberhentian lebihan pekerja secara berperingkat ini yang mana kebanyakannya merupakan kakitangan kontrak.

PETRONAS telah mengambil inisiatif termasuk menawarkan "*voluntary separation package*" yang didasarkan kepada peruntukan sedia ada di bawah Akta Kerja 1955. Bagi kakitangan kontrak, langkah yang diambil menjurus kepada ketidak pembaharuan kontrak.

Sekian, terima kasih.